

## KECERDASAN EMOSI DALAM MENINGKATKAN KEPERIBADIAN REMAJA

Hamidah Sulaiman\*

*hamidah\_s@um.edu.my*

Afandy Sutrisno Tanjung\*

*afandy\_002@yahoo.com*

Norfaezah Md. Khalid\*

Norsafatul Aznin A. Razak\*

Nor Hasbuna Salleh\*

\*Fakulti Pendidikan

Universiti Malaya

**Abstract:** This paper forms by the 21<sup>st</sup> century education and the need for emotional intelligence skills in producing quality human capital. Discussion of the importance of emotional intelligence dimensions of social skills with the findings support adolescent emotional intelligence in Malaysia and the contribution of variables esteem, leadership skills, operate and use feelings towards the relationship of social skills. Focus discussion on the emotional intelligence is a core to produce individuals who are balanced physically, emotionally, spiritually and intellectually, and recommendations of the curriculum and the components of emotional intelligence skills can help improve your emotional intelligence skill set.

**Keywords:** Emotional intelligence, 21 century education, quality human capital, social skills.

### PENDAHULUAN

Manusia merupakan khalifah di bumi ini dan diciptakan oleh Allah dengan berbagai kelebihan dan kesempurnaan antaranya akal fikiran dan juga hawa nafsu sebagai pelengkapnya. Manusia telah diamanahkan dengan tanggungjawab mengelola alam semesta untuk kesejahteraan umat manusia, kerana alam semesta memang diciptakan Tuhan untuk manusia. Sebagai wakil Tuhan, manusia bertanggungjawab menyebarkan rahmat Tuhan, menegakkan kebenaran dalam usaha membuat yang makruf dan mencegah kemungkaran. Sebagai hamba, manusia amat kecil, tetapi sebagai khalifah Allah, manusia memiliki fungsi yang sangat besar dalam memegang amanah di muka bumi (Surah Al-An-anam ayat 165). Berbeza dengan makhluk Allah yang lain, manusia menjadi makhluk yang sangat terhormat dan mulia di dunia ini, namun begitu jika manusia tidak melaksanakan amanah yang diberi, kedudukan khalifah tersebut boleh bertukar kepada kehinaan bahkan lebih hina daripada binatang. Manusia dipilih oleh Allah menjadi khalifah berperanan menjalankan tanggungjawab dan amanah mentadbir, mengurus, dan memakmurkan alam ini ( Imam Nawawi,2000, dalam *Riyadhus Shalihin*, Jilid 1) Tugas-tugas ini perlu dijalankan mengikut syariat Allah s.w.t. sama ada di peringkat keluarga, masyarakat dan negara.

### LATAR BELAKANG KAJIAN

Remaja yang berada di sekolah pada hari ini merupakan khalifah dan aset kepada negara kita Malaysia.. Negara mengharapkan agar mereka menjadi khalifah yang dapat menjadi pemimpin yang beriman dan beramal soleh dalam keluarga dan masyarakat, serta berupaya berfikir secara kreatif dan kritis. Harapan ini menjadi amanah kepada mereka dan perlu direalisasikan dengan penuh tanggungjawab (At-Takatsur, 102: 8). Menepati dengan hakikat ini maka sebagai khalifah, mereka bertanggungjawab mengelola alam semesta, untuk kesejahteraan makhluk Allah termasuklah manusia, binatang, dan tumbuh-tumbuhan. Mereka berperanan sebagai individu yang berkebolehan memakmurkan bumi mengelola negara, dan mensejahterakan masyarakat. Dalam kata lain, manusia bertanggungjawab untuk tidak melakukan kerosakan di bumi dan alam ini harus dikendalikan dengan secara berhikmah, berakhlik dan berilmu.

Al-Quran dengan jelas mengakui bahawa ilmu amat penting dalam melaksanakan tugas khalifah dan melaksanakan konsep pengabdian dan penyerahan. Antara komponen ilmu-ilmu tersebut adalah i) ilmu tentang alam

syahadah, kerohanian dan alam ghaib, ii) ilmu tentang fizik dan metafizik, iii) ilmu tentang alam benda dan pencipta alam benda. Memandangkan tugas ini amat berat maka, manusia perlukan kemantapan ilmu yang menjamin keseimbangan fizikal, intelek, rohani dan emosi. Allah menganugerahkan akal sebagai melengkapkan manusia menjalankan amanah yang berat ini dengan penuh bijak sana. Namun begitu kecerdasan akal (intelek) semata-mata belum menjamin semua amanah Allah ini dapat dijalankan dengan penuh bijaksana tanpa kecerdasan emosi.

Dalam Al-Quran telah termaktub ayat-ayat yang menerangkan Islam itu amat mementingkan kecerdasan emosi dalam kalangan umatnya antaranya Allah melarang umat Islam dari berputus asa dengan rahmat Allah dan larangan membunuh diri. Selain itu Allah juga menyukai orang-orang yang bersifat belas kasihan sesama manusia dan sifat empati seperti yang termaktub dalam surah Al- Maa' idah ayat 13, dan dalam Surah Luqman ayat 12 hingga 19, memaparkan pendidikan mengenai pendidikan kecerdasan emosi.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Selama ini kejayaan dan kemewahan dianggap sebagai hanya milik individu yang mempunyai kecerdasan intelek sahaja. Individu yang memiliki kecerdasan intelek sering mendapat perhatian masyarakat dan menjadi ukuran bagi menentukan kejayaan dan kebahagian seseorang sama ada di tempat kerja, atau dalam kehidupan sehari-hari. Namun begitu, dalam abad ke 21 ini perubahan telah berlaku di mana kecerdasan intelek bukanlah satu-satunya kayu ukur yang dapat menggambarkan kejayaan seseorang secara keseluruhan. Kajian-kajian lalu mendapati seseorang yang mempunyai kecerdasan intelek yang tinggi belum tentu mampu memecahkan permasalahan di dalam dunia pekerjaan atau konflik dalam kehidupan yang kompleks ini (Goleman, 2005). Konflik-konflik ini memerlukan kemahiran dalam kecerdasan yang lain yang dikenali sebagai kecerdasan emosi antaranya ialah keperluan memiliki kemampuan mentaakul (reasoning capacities) dan memberi perhatian kepada kreativiti, emosi, dan kemahiran interpersonal. Hal ini selaras dengan kenyataan Goleman yang menyatakan bahawa kecerdasan intelek semata-mata bukan lagi menjadi satu-satunya pengukur kejayaan individu kerana kecerdasan emosi, kecerdasan sosial, dan tuah juga memainkan peranan yang penting dalam kejayaan seseorang (Goleman, 1995).

Di Malaysia, fenomena cetusan emosi yang tidak terkawal dalam kalangan remaja sekolah menunjukkan peningkatan dan membimbangkan semua pihak. Laporan daripada akhbar-akhbar menunjukkan bahawa cetusan emosi dalam kalangan remaja sekolah lebih cenderung ke arah yang negatif (Utusan Malaysia, 2004, Berita Harian 2005, Berita Harian, 2010). Tindakan agresif seperti membuli, membunuh, melawan guru, penglibatan diri dengan jenayah juvana perlu diberi perhatian yang serius. Kejadian yang berlaku hari ini tidak boleh dianggap kes terpencil tetapi perlu ditangani segera. Kejadian ini juga menjadi petanda bahawa remaja masa kini tidak dapat mengawal emosi mereka. Satu kajian dirasakan perlu dilakukan untuk mengenal pasti tahap kecerdasan emosi mereka bagi membantu kita memahami sejauh mana remaja sekolah dapat mengurus emosi mereka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan berikut:

- i.) Apakah tahap kecerdasan emosi remaja sekolah yang dikaji?
- ii.) Apakah pembolehubah yang menjadi peramal kepada kemahiran sosial remaja sekolah yang dikaji?

## **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian adalah kajian deskriptif jenis tinjauan dan data dikumpul menggunakan soal selidik. Analisis deskriptif min dan sisihan piawai digunakan bagi menghurai tahap lima dimensi kecerdasan emosi yang telah ditentukan iaitu kesedaran kendiri, dimensi kerohanian, dimensi kemahiran sosial, dimensi empati, dan dimensi pengurusan emosi. Manakala analisis regresi digunakan bagi melihat pemboleh ubah yang meramal kepada dimensi kemahiran sosial. Sampel kajian adalah terdiri daripada murid-murid sekolah menengah yang berada dalam tingkatan 4 seramai 998 orang. Data dianalisis secara kuantitatif dengan menggunakan program SPSS Versi 17.0.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **i.) Apakah tahap komponen dimensi kecedasan emosi remaja sekolah yang dikaji?**

Bagi menjawab soalan kajian pertama, terdapat lima pemboleh ubah yang diukur iaitu kesedaran kendiri, kerohanian, kemahiran sosial, empati, dan pengurusan emosi. Pengkaji telah menentukan skil kepada tiga tahap iaitu tahap rendah, tahap sederhana dan tahap tinggi mengikut nilai skor min seperti berikut:

Nilai min 1 hingga 2.33 – tahap rendah

Nilai min 2.34 hingga 3.67 – tahap sederhana

Nilai min 3.6 hingga 5.00 – tahap tinggi

Jadual 1 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi lima dimensi kecerdasan emosi iaitu Dimensi Kesedaran Kendiri, Dimensi Kemahiran sosial, Dimensi Pengurusan Emosi, Dimensi Empati dan Dimensi Kerohanian. Keseluruhan remaja sekolah yang dikaji mendapat skor yang tinggi kecuali bagi Dimensi Kemahiran Sosial yang berada pada tahap sederhana (min 3.30).

Jadual 1 :

**Skor Min dan Sisihan Piawai Kecerdasan Emosi Remaja Sekolah Di Malaysia**

Dimensi Kecerdasan Emosi	Min	Sisihan Piawai	Tafsiran
Kerohanian	4.68	0.23	tinggi
Empati	4.03	0.60	tinggi
Pengurusan emosi	3.84	0.62	tinggi
Kesedaran kendiri	3.76	0.64	tinggi
Kemahiran sosial	3.30	0.47	sederhana

**ii.) Apakah Pembolehubah yang menyumbang terhadap Dimensi Kemahiran Sosial?**

Bagi menjawab soalan kajian ini, pengkaji telah menggunakan analisis regresi langkah demi langkah yang melibatkan lima pembolehubah bebas terhadap pembolehubah bersandar iaitu kemahiran sosial ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah. Hasil analisis menunjukkan secara signifikan, kemahiran kepimpinan ( $\beta = 0.505, p < 0.05$ ) sendiri menyumbang sebanyak 25.5% ( $r=0.505$ ) kepada kemahiran sosial ( $F(1,996) = 167.162, p<0.05$ ). Kombinasi kedua-dua pemboleh ubah kemahiran kepimpinan ( $\beta = 0.372, p < 0.05$ ) serta penggunaan perasaan ( $\beta = 0.206, p < 0.05$ ) menyumbang sebanyak 28.0% ( $r=0.529$ ) terhadap perubahan varian dalam skor kemahiran sosial ( $F(2,995)= 161.298, p<0.05$ ). Selain itu apabila pemboleh ubah mengendalikan hubungan ( $\beta = 0.116, p < 0.05$ ) diambil kira bersama, ketiga-tiga pemboleh ubah peramal itu menyumbang sebanyak 29.3% ( $r=0.541$ ) kepada perubahan varian dalam skor kemahiran sosial ( $F(3,994)= 155.381, p<0.05$ ). Kombinasi antara pemboleh ubah peramal kemahiran kepimpinan ( $\beta = 0.294, p < 0.05$ ) penggunaan perasaan ( $\beta = 0.146, p < 0.05$ ), mengendalikan hubungan ( $\beta = 0.123, p < 0.05$ ) dan penghargaan kendiri ( $\beta = 0.168, p < 0.05$ ) secara signifikan menyumbang sebanyak 30.4% ( $r= 0.551$ ) terhadap perubahan varian dalam kemahiran sosial responden ( $F(4,993)= 153.497, p<0.05$ ).

Jadual 2:

**Analisis Regresi Berganda Langkah Demi Langkah Bagi Pembolehubah Terpilih Yang Mempengaruhi Dimensi Kemahiran Sosial**

<b>Model</b>	<b>Pemboleh ubah bebas</b>	<b>B</b>	<b>Beta<math>\beta</math></b>	<b>Nilai t</b>	<b>Sig</b>	<b>R</b>	<b>R<sup>2</sup></b>
1	(Constant)	2.039		29.170	0.000	0.505	0.255
	Kemahiran kepimpinan	0.351	0.505	18.476	0.000		
2	(Constant)	1.846		24.187	0.000	0.529	0.280
	Kemahiran kepimpinan Penggunaan Perasaan	0.258	0.372	10.497	0.000		
3	(Constant)	2.740		12.510	0.000	0.541	0.293
	Kemahiran kepimpinan Penggunaan perasaan Mengendalikan hubungan	0.258	0.371	10.576	0.000		
4	(Constant)	2.735		12.573	0.000	0.551	0.304
	Kemahiran kepimpinan Penggunaan perasaan Mengendalikan hubungan Penghargaan kendiri	0.204	0.294	7.345	0.000		
		0.111	0.146	3.745	0.000		
		-0.269	-0.123	-4.638	0.000		
		0.118	0.168	3.924	0.000		

### **PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

Kemahiran sosial merupakan kemahiran yang sangat penting kepada mereka dalam proses pembelajaran. Oleh itu kemahiran ini perlu dipertingkatkan dalam usaha melahirkan modal insan berkualiti. Hal ini pernah dikongsi oleh Goleman (1999), dengan menegaskan bahawa kecerdasan emosi mempunyai pengaruh yang sangat penting terhadap kejayaan individu dalam kehidupan, jika dibandingkan dengan kejayaan intelek. Beliau percaya bahawa kecerdasan emosi memberi sumbangan kepada beberapa aspek kehidupan seperti kurangnya tekanan, peningkatan kesejahteraan kesihatan mental, peningkatan pembelajaran, penurunan tingkah laku agresif, kebolehan membuat keputusan yang baik dan kemantapan dalam hubungan interpersonal.

Keputusan analisis data menunjukkan bahawa kemahiran kepimpinan penggunaan perasaan, mengendalikan hubungan dan penghargaan kendiri merupakan faktor peramal yang signifikan kepada dimensi kemahiran sosial. Keempat-empat kemahiran ini perlu diberi perhatian dalam proses pengajaran dan pembelajaran demi melahirkan modal insan berkualiti bertaraf kelas pertama. Tambahan pula kecerdasan emosi bukanlah satu kecerdasan yang dimiliki oleh seseorang sejak lahir, tetapi kecerdasan ini boleh dikembangkan dan ditingkatkan melalui proses pendidikan dan latihan (Mayer & Salovey, 1999).

Ibu bapa mempunyai peranan yang penting dalam perkembangan kemahiran kecerdasan emosi dalam kalangan remaja sekolah (Kolb & Hanley-Maxwell, 2003). Hubungan ibu bapa dengan anak-anak melalui cara gaya asuhan ibu bapa dalam mendidik dan mengasuh anak-anak perlu diberi perhatian yang serius agar anak-anak mendapat didikan yang berkualiti. Mereka juga menjadi model yang dapat dicontohi oleh anak-anak sama ada dari segi perkataan dan perbuatan yang melibatkan emosi. Ibu bapa juga membantu membina penghargaan kendiri (*self-esteem*), kawalan kendiri, kesedaran kendiri dan keyakinan diri (Johnson, 2008). Hubungan ibu bapa dan anak yang mesra akan meningkatkan kemahiran anak-anak dalam membuat pilihan, berkomunikasi, dan mengendalikan hidup yang produktif. (Baumrind, 1971).

Dapatan kajian ini menunjukkan pada umumnya remaja yang dikaji, mempunyai tahap kecerdasan emosi yang baik dan masih ada ruang yang boleh dibaiki bagi meningkatkan kemahiran sosial. Perhatian yang sama rata perlu diberikan tanpa mengira jantina, jenis sekolah ataupun lokasi sekolah. Justeru pengkaji mencadangkan agar remaja sekolah perlu dibantu bagi meningkatkan tahap kecerdasan emosi mereka khususnya dalam dimensi kemahiran sosial ke tahap yang lebih baik.

Kajian ini memberi maklumat baru kepada dunia pendidikan di Malaysia di mana tahap kemahiran sosial remaja sekolah yang berada pada tahap sederhana menjadi petanda bahawa remaja sekolah hari ini berdepan dengan masalah menguasai kemahiran sosial. Ini bermakna mereka tidak mahir atau tidak berkebolehan berempati, kemahiran memahami perasaan orang lain, kurang bermotivasi, dan tidak yakin menguruskan diri dalam persekitaran yang mencabar. Kemahiran sosial juga melibatkan kemahiran berkomunikasi secara berkesan serta menjadi pengkritik yang membawa faedah. Pengkaji mencadangkan agar remaja sekolah hari ini dibantu meningkatkan kemahiran dalam kesedaran sosial dan silang budaya sebagai persediaan dalam bekerja dalam satu pasukan, bekerjasama, menghormati hak orang lain dalam kumpulan dan memahami secara mendalam tentang nilai dan perspektif orang lain.

## KESIMPULAN

Individu yang memiliki kecekapan kecerdasan emosi yang tinggi dapat memaksimumkan potensi akal, hati dan budi sejajar dengan tujuh sifat yang menjadikan orang-orang mu'min itu beruntung seperti yang digambarkan oleh Allah dalam surah Al Mu'Minun ayat 1 hingga ayat 11 yang bermaksud, "Beruntunglah orang-orang yang beriman, iaitu orang-orang yang khusyuk dalam solatnya, dan orang-orang yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang tidak berguna, dan orang-orang yang menunaikan zakat, orang-orang yang menjaga kemaluannya, kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau budak yang mereka miliki, maka sesungguhnya mereka dalam hal ini tidak tercela. Barang siapa mencari yang sebaliknya maka mereka itulah orang-orang yang melampaui batas. Dan orang-orang yang memelihara amanat-amanat dan janjinya, dan orang-orang yang memelihara solatnya, mereka itulah orang-orang yang akan mewarisi syurga Firdaus. Mereka kekal di dalamnya." Ketujuh-tujuh sifat ini juga merupakan dimensi kecerdasan emosi yang sangat penting.

## RUJUKAN

- Al-Quran Nul-Karim dan terjemahannya. (2007). Pustaka Darul Iman Sdn. Bhd.
- Asmadi Mohamed Naim, Iran Herman, Mohamad Khadafi Rofie, Mohd. Nizho Abdul Rahman & Mohd Zawawi Abu Bakar. (2007). *Tahap Pengetahuan Agama dan Hubungannya dengan Ketertiban Sosial dan Akademik di Kalangan Pelajar Islam IPTA*. Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu III. Modal Insan Bersepadu Teras Bangsa Terbilang. Institut Peradaban Melayu. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
- Asmah Bee Mohd Noor. (2003). *Menangani kemurungan melalui kaunseling berperspektif Islam*. Prosiding Seminar Kebangsaan Kaunseling Berperspektif Islam: menangani cabaran era baru melalui kaunseling berspektif Islam. Hotel Helang, Langkawi. 1-3 Mei. Anjuran Universiti Utara Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Asmawati Suhid. (2007). *Pendidikan Islam wadah pembangunan modal insan*. Prosidin Seminar Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Negara Ketiga. Dasar dan Perlaksanaan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, 13 & 14 Februari.
- Azma Binti Mahmood. (2005). *Pengukuran tahap penghayatan pendidikan Islam pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia*. Tesis Dr Fal. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Ar-Razi, *Al-Usul min al-kafi*, jld.1, Beirut: Daru'l-Kutub Al-Islamiyyah, 1388H, h.48
- Baumrind.(1971). Current patterns of parental authority. *Developmental Psychology Monographs*, 4, 1–103.
- Berita Harian, 24 Ogos 2004.
- Berita Harian, 13 Jun 2005. *Pelajar buli dibuang maktab*.
- Berita Harian, 21 Jun 2010. *30 minit dibelasah senior*.
- Goleman. (1995). *Emotional Intelligence. Why it can be matter more than IQ*. New York, NY: Bantam Books.

- Goleman. (1999). *Working with Emotional Intelligence*. New York, NY: Bantam Books
- Goleman. (2005). *Emotional intelligence* (10th anniversary ed.). New York, NY: Bantam.
- Imam Nawawi. (2000). *Riyadhus Shalihin*, Jilid 1. Pengalih Bahasa M.Abdai Rathomy. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Johnson. (2008) Emotionally Focused Therapy for Couples and Childhood Sexual Abuse Survivors. *Journal of Marital and Family Therapy*, 34, 298-315.
- Kolb & Hanley-Maxwell. (2003). Critical social skills for adolescents with high incidence disabilities: Parental perspectives. *Exceptional Children*, 69(2), 163-79.
- Mayer & Salovey, P. (1997). What is emotional intelligence? In P. Salovey & D. Sluyter (Eds). *Emotional development and Emotional Intelligence: Implications for educators* (pp. 3-31). New York: Basic Books.
- Mohd Izhar Ariff Mohd Kassim, Noor Liza Mohamed Said & Adnan Mohamad Yusoff. (2007). *Pembentukan Modal Insan Melalui Institusi Kekeluargaan Islam*. Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu III. Modal Insan Bersepadu Teras Bangsa Terbilang. Institut Peradaban Melayu, University Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Mansur Abdullah. (2007). *Kaunselor Professional. Personalia Dalam Orgaisasi: Pembangunan dan Aplikasi*. Seminar Kaunseling Kebangsaan Ke VIII. Hotel Grand Seasons, Kuala Lumpur. 3 Disember.
- Mohd Tajudin, N. (2003). *Kaunseling di Abad Ke-21: Antara cabaran dan realiti*. Kertas kerja dibentangkan dalam Konvensyen PERKAMA Kali Ke XI pada 25 Jun – 27 Jun 2003 di Hotel Eden, Johor Bahru.
- Muhammad 'Uthman Najati. (1985). *Al-Quran dan Ilmu Jiwa*. Bandung: Pustaka Pepustakaan Salman Institut Teknologi Bandung.
- Muhammad Hashim & Mohd Azhar Ibrahim Residi. (2007). *Hubungan Nilai Kerohanian dan Kecenderungan Keagamaan dan Daya Kerja Dalam Organisasi: Satu kajian konseptual*. Persidangan Antarabangsa Peadaban Melayu III. Modal Insan Bersepadu Teras Bangsa Terbilang. Institut Peradaban Melayu. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
- Noraini Ahmad. (2003). *Kemahiran Keibubapaan Dalam Menangani Permasalahan Remaja*. Prosiding Seminar Kekeluargaan Kebangsaan. Isu-isu Dalam Institusi Kekeluargaan. Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Siti Khairiah Mohd Zubir. (2007). *Peranan Melayu untuk Melaksanakan Modal Insan bagi Memperkembangkan Minda Kelas Pertama Menuju Kepada Pembangunan Negara*. Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu III. Modal Insan Bersepadu Teras Bangsa Terbilang. Institut Peradaban Melayu. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
- Utusan Malaysia, 7 April 2004. *Kes Buli Pelajar Meningkat*.
- Yahaya Mahamod. (2003). *Kesihatan dan Kesejahteraan Keluarga: Peranan Ibu Bapa, Institusi Pendidikan dan Komuniti*. Prosiding Seminar Kekeluargaan Kebangsaan. Isu-isu dalam Institusi Kekeluargaan. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Yuseri Ahman. (2007). *Pembentukan Jatidiri Muslim Menerusi Pendidikan Islam di Sekolah: Kajian di Sekolah-sekolah Menengah Daerah Kuantan dan Temerloh, Pahang*. Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu III. Modal Insan Bersepadu Teras Bangsa Terbilang. Institute Peradaban Melayu. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.